

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bila memperkatakan tentang adat, terbayang kepada kita bahawa ia merupakan suatu amalan yang digunakan atau diikuti oleh masyarakat keseluruhannya, yang mana amalan itu berjalan terus dari satu generasi ke satu generasi yang berikutnya. Adat pula berbeza dari satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Adat di Tanah Melayu boleh dibahagikan kepada tiga keadaan iaitu pertama; adat Temenggung, kedua; adat Kampung dan ketiga; Adat Perpatih. Antara ketiga-tiga adat ini mempunyai ciri-ciri perbezaan yang ketara malah merupakan suatu adat yang unik yang sepatutnya dibanggakan oleh orang-orang Melayu.

Kepentingan adat Melayu itu sendiri kepada sarjana Barat telah membawa kecenderungan mereka untuk mengkaji dan memahami adat Melayu secara berterusan sejak dari zaman Francis Light, Marsden dan Raffles sehingga timbulnya minat mereka untuk menghasilkan pelbagai karya dan melakukan pengumpulan terhadap manuskrip adat Melayu.¹ Lantaran itulah adat ini telah menjadi tumpuan kepada pengkaji-pengkaji barat seperti kajian-kajian awal yang telah dilakukan oleh Wilkinson, Rigby, Logan, Taylor, Maxwell² dan MB Hooker terhadap adat Melayu yang datang ke Tanah Melayu bukan

¹. Jelani Harun, *Kajian Naskhah Undang-undang Adat Melayu di London*, (Pulau Pinang: Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia, 2008), 128.

² Ibid., 126.

setakat mengkaji adat ini tetapi turut menghasilkan karya-karya mereka untuk memaparkan kepada masyarakat berhubung dengan adat tersebut.

Lantas daripada itu, pengkaji merasa tertarik untuk mengkaji pandangan MB Hooker terhadap adat di Tanah Melayu dengan menfokuskan kepada karyanya yang bertajuk “Islamic Law in South-East Asia” dalam terjemahannya bertajuk “Undang-Undang Islam di Asia Tenggara” dalam subtopik “Undang-undang Islam dan Adat Melayu” bersesuaian dengan kajian pengkaji. Ini merupakan salah satu daripada karya-karyanya yang masih belum diketengahkan lagi dalam kajian ilmiah atau disertasi. Apa yang pengkaji dapati Hooker cuba memberi tafsirannya sendiri terhadap adat di Tanah Melayu mengikut bentuk pemikirannya.

Justeru, kajian ini akan menganalisis bentuk-bentuk pemikirannya yang sebenar berdasarkan kepada isu yang dipilih dengan melihat kepada tiga perspektif adat yang berbeza iaitu adat Melayu, syariah Islam serta adat menurut barat. Di samping itu, terdapat juga koleksi khas Hooker yang terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia di mana koleksi-koleksi beliau itu hampir mencecah 2040 buah buku yang masih belum dianalisis lagi.

Namun begitu pengkaji hanya menfokuskan kepada karyanya iaitu “Islamic Law in South-East Asia” sahaja dengan mengeluarkan isu-isu yang penting di dalam buku tersebut. Setiap isu tersebut akan dianalisis bagi melihat bentuk pemikirannya yang sebenar terhadap adat Melayu sama ada pemikirannya itu membawa kebenaran atau kesilapan maklumat yang berkemungkinan timbul.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Islamic Studies atau Kajian Islam bagi dunia Barat merupakan bahagian yang tidak boleh dipisahkan dari tradisi sarjana Barat. Secara dasarnya, sebahagian besar sarjana di barat cenderung menjadikan Islam semata-mata sebagai ‘objek studi’³ yang bebas untuk ditelaah dan dikaji, tanpa mempertimbangkan bahawa Islam sebagai agama universal dan patut untuk diperlakukan secara layak.

Jadi, disebabkan persepsi mereka terhadap dunia Timur sedemikian rupa maka kedatangan mereka ke Tanah Melayu telah menyebabkan berlakunya campur tangan dalam semua urusan pentadbiran di sini kecuali dalam urusan agama Islam dan adat Melayu. Sungguhpun begitu, adat Melayu merupakan salah satu bidang yang diminati di kalangan sarjana Barat malah di kalangan penulis-penulis tempatan juga.⁴

Namun begitu, kebanyakan penulisan mereka ini terhadap adat Melayu lebih menjurus ke arah bersifat naratif⁵ daripada bersifat ilmiah.⁶ Oleh itu, penglibatan Hooker

³ Fahrurrozi, “Studi Kritis Terhadap Metodologi dan Tesis-Tesis Joseph Schacht dalam Studi Hukum Islam” (Disertasi, Jabatan Syariah Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2007), 13.

⁴ Di antara penulis-penulis tempatan yang membuat kajian tentang masyarakat Melayu di Negeri Sembilan ialah Abdul Kahar Bador dalam buku-bukunya *Adat Perpatih di Tanah Mengandung, Satu Pengajian Mengenai Aliran Masyarakat* (Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1961), dan *Kinship and Marriage among the Negeri Sembilan Malaya*, (Disertasi, Jabatan Anthropology London School of Economics, 1963). Azizah Kassim, *Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Adat Perpatih di Negeri Sembilan*, (Disertasi, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1969). Mohd. Dahlan Hj. Aman, *Pentadbiran Adat ke atas Tanah di Nanning (Melaka)*, (Disertasi, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1968. Adbul Rahman Mohammad, *Dasar-dasar Adat Perpatih* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964) dan beberapa orang pengkaji lagi.

⁵ Maksud perkataan naratif: 1.cerita atau kisah tentang peristiwa, pengalaman, dan lain-lain: bolehlah dikatakan bahawa sesuatu seperti cerpen, cereka dan sebagainya adalah merupakan hasil daripada prestasi linguistik; 2. yg menceritakan (mengisah-kan): gayanya juga mirip karangan biasa; puisi-puisi (sajak) yg mengisahkan sesuatu. Dewan Bahasa dan Pustaka, dikemaskini 3 Mac 2014, dicapai 9 Mac 2014, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=naratif>

didalam karyanya yang bertajuk “Islamic Law in South-East Asia” dalam subtopik “Undang-Undang Islam dan Adat Melayu” didapati kurang jelas dan berlaku kesalah fahaman terhadap adat itu. Hal ini berikutan Hooker berpandangan di dalam buku tersebut iaitu:

“There are two forms of the relationship between adat and Islam in Malaysia, (i) one of opposition of principle which does not, however, exclude some practical accommodation, and (ii) a mixing or incorporation of rules so that the distinction between systems is blurred at least at the practical level. These two modes of relationship correspond to the main line of division in the Malay adat, i.e., between the adat perpatih where opposition to Islam is formalized, and the mass of local adat where an 'internalization' of Islam has blurred the disparities of principle”⁷

Terjemahan

“Terdapat dua bentuk hubungan antara adat dengan agama Islam di Malaysia, (i) pertentangan dari segi prinsip yang tidak menyingkirkan penyesuaian yang praktik, dan (ii) percampuran atau penggabungan peraturan sehingga perbezaan antara kedua-dua sistem tersebut menjadi kabur sekurang-kurangnya dari segi praktiknya. Dua bentuk hubungan ini adalah selaras dengan pembahagian asas dalam adat Melayu iaitu antara adat perpatih yang terang-terang bertentangan

⁶ Di antara penulis-penulis Barat yang berminat tentang masyarakat Melayu beradat Perpatih ini ialah Parr,C.W.C & Mackry,W.H., ‘Rembau, one of the Nine States, its History, Constitution Customs’, Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, 1910. De Moubray,G.A., *Matriarchy in the Malay Peninsula & Neighboring Countries* (London,1931). Roitledge & Son.Caldecott A. ‘Jelebu, Sri Menanti, Johol’, Papers on Malay Subject, 1912. Josselin de Jong, *Minangkabau and Negeri Sembilan* (Bhanatra: Jakarta, 1960). M.G. Swift, *Malay Peasant Society in Jelebu* (t.tp.: t.p, 1965) dan beberapa tulisan lagi misalnya oleh MB Hooker, R.O. Wilkinson, Sheehan, Taylor, Ramsay dan beberapa sarjana Barat yang lain, sama ada penulis amatour atau ahli-ahli Antropologi dan Sosiologi.

⁷ Hooker, MB, *Islamic Law in South-East Asia*, (New York: Oxford University Press, 1984), 161-162.

*dengan Islam, dengan berbagai-bagai adat tempatan dengan “internalisasi” Islam yang berjaya menutupi perbezaan prinsip”*⁸

Berdasarkan kepada permasalahan di atas, pengkaji dapati Hooker cuba memberi pandangannya sendiri bahawa Adat Perpatih secara terang-terang didapati bertentangan dengan Islam seperti mana dalam teks di atas. Oleh itu, satu analisis akan dilakukan bagi melihat motif sebenar penglibatan Hooker dalam karyanya itu dengan menfokuskan kepada Adat Perpatih selari dengan kajian beliau yang banyak melibatkan diri dalam adat di Tanah Melayu.

Sebagaimana yang diketahui umum, Adat Perpatih merupakan adat yang berasaskan struktur kesukuan sebelah ibu. Ramai orang salah faham atau tidak memahami secara mendalam apakah yang dikatakan Adat Perpatih itu sebenarnya.⁹ Salah faham ini turut berlaku kepada Hooker sendiri sehinggakan beliau menganggap adat tersebut secara terang-terang telah bertentangan dengan Islam.¹⁰ Selain daripada Hooker, terdapat juga sarjana Barat lain iaitu Josselin de Jong di dalam membincangkan hubungan antara adat dan Islam di mana dengan beraninya beliau merumuskan bahawa hubungan timbal balik antara Islam dan adat itu sebenarnya adalah *‘the conflict between two system of practices and ideals’*.¹¹

⁸ Hooker, MB, *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991), 186-188.

⁹ Tan Sri Dato’ Abdul Samad Idris, “Adat Perpatih: Nilai dan Falsafahnya”, http://202.185.40.214/idc/groups/portal_aperpatih/documents/ukmpd/adat_00576.pdf

¹⁰ Ibid.,

¹¹ Norazit Selat, *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*, (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1990), 45.

Justeru, dalam kajian ini pengkaji akan cuba menganalisis pandangan Hooker dari sudut pandangan syariah Islam dengan mengeluarkan beberapa isu penting yang terdapat di dalam buku tersebut. Setiap isu itu akan di datangkan penjelasan beserta dengan bukti bagi menyokong ketidakjelasan pandangan beliau. Kajian ini diharap dapat memberi input yang bermanfaat kepada para sarjana Islam khususnya agar tidak mengambil enteng akan sesuatu pendapat yang telah dikeluarkan oleh sarjana asing kerana walau sedalam manapun kajian mereka terhadap Islam, mereka tidak akan sampai kepada tahap roh keislaman dan perlukan justifikasi daripada para sarjana Islam yang tepat.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah konsep adat menurut perspektif Melayu, syariah Islam, dan juga menurut sarjana Barat?
2. Apakah perspektif Hooker terhadap adat di Tanah Melayu didalam karyanya “Islamic Law in South-East Asia”?
3. Apakah isu-isu yang telah dikupas oleh Hooker di dalam karyanya “Islamic Law in South-East Asia”?
4. Bagaimanakah bentuk-bentuk pemikiran Hooker terhadap adat Melayu?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini juga dilaksanakan dengan tujuan untuk:-

1. Membandingkan konsep adat menurut perspektif Melayu, syariah Islam, dan juga menurut sarjana Barat. Hal ini disebabkan pelbagai tafsiran pengertian yang diberikan kepada adat itu sendiri sehingga ia menjadi suatu yang sempit.
2. Menjelaskan latar belakang MB Hooker bagi mengetahui perspektifnya terhadap adat di Tanah Melayu.
3. Mengenalpasti isu-isu yang telah dikupas MB Hooker dan menganalisis kesemua isu tersebut bagi mengetahui bentuk-bentuk pemikirannya dalam karyanya “Islamic Law in South-East Asia” terhadap adat Melayu.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Penghasilan kajian ini diharap dapat memberi manfaat khususnya kepada para sarjana Islam moden untuk menilai bentuk pemikiran Hooker dalam pengkajiannya terhadap adat Melayu. Karya beliau yang bertajuk “Islamic Law in South-East Asia” adalah penting untuk diteliti kandungannya dan perlu diberi penganalisaan yang sewajarnya.

Pengkaji juga berharap agar kajian ini dapat memberi kepentingan kepada para sarjana Islam moden untuk mengenali dan memahami tujuan utama pembabitan Hooker dalam adat Melayu. Secara tidak langsung, ia akan membuka ruang bagi membantu penerokaan para sarjana Islam moden terhadap karya-karya yang telah dihasilkan oleh Hooker untuk dikaji dan dianalisis tentang kepentingannya terhadap adat Melayu selari dengan ketokohan beliau.

Penulisan tentang adat Melayu yang bertentangan dengan ajaran Islam telah banyak dilakukan. Implikasinya, kita hanya didedah dengan fakta yang mengatakan kebanyakan adat Melayu bertentangan dengan Islam dan tidak terdapat di antaranya yang boleh diterima pakai dalam menentukan sesuatu hukum. Oleh itu, penyelidikan secara mendalam tentang adat Melayu sebagai sumber penetapan hukum Islam di Tanah Melayu (Malaysia) perlu dijalankan. Ia penting bagi menunjukkan adanya hubungkait antara syariah Islam dengan adat Melayu.

1.6 SKOP KAJIAN

Dalam sesuatu kajian, skop amat penting bagi memastikan kajian tersebut selari dengan objektif yang ditetapkan. Oleh itu dalam kajian ini, pengkaji tidak akan mengkaji kesemua aspek yang membabitkan adat Melayu, tetapi menghadkan kajian kepada beberapa skop yang berhubungkait dengan pemikiran Hooker di dalam karyanya “Islamic Law in South-East Asia”. Kajian ini akan menumpukan kepada adat Melayu iaitu Adat Perpatih berdasarkan pemikiran Hooker yang berpandangan bahawa adat tersebut secara terang-terang telah bertentangan dengan Islam. Berdasarkan adat tersebut pengkaji akan menfokuskan kepada antaranya:

1. Sistem Pewarisan
2. Sistem Falsafah Perbilangan Adat Perpatih
3. Sistem Perlembagaan Adat Perpatih

Ketiga-tiga perkara tersebut akan dianalisis bagi membuktikan terdapat hubungkait antara adat tersebut dalam syariah Islam. Pemilihan terhadap ketiga-tiga adat tersebut dibuat berikutan adat ini telah diamalkan sejak zaman Melayu tradisional dan masih berterusan sehingga kini.

1.7 KAJIAN LEPAS

Dalam usaha menyiapkan kajian ini, pengkaji telah mencari dan mengumpul kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini. Kajian yang menfokuskan kepada “Pandangan MB Hooker Terhadap Adat di Tanah Melayu: Analisis Terhadap buku *Islamic Law in South-East Asia*” merupakan satu kajian baru. Namun pengkaji tidak menafikan bahawa terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan mengenai adat Melayu, namun kajian tersebut berbeza dengan kajian ini.

Apa yang ditemui oleh pengkaji hanyalah tajuk-tajuk kajian terdahulu yang hampir sama atau yang berkaitan dengan kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung. Walau bagaimanapun kajian-kajian ini tetap menjadi rujukan dalam usaha menyiapkan kajian pengkaji. Justeru pengkaji telah mengklasifikasikan penulisan ini kepada tiga tema utama iaitu kajian-kajian atau penulisan-penulisan yang secara khususnya menumpukan *pertama*; adat Melayu, *kedua*; MB Hooker dan *ketiga*; karya-karya sebelum Hooker.

Mengikut pengamatan pengkaji, apa yang telah dikaji oleh sarjana sebelumnya rata-ratanya membabitkan beberapa tema yang agak terhad, merangkumi sebagai berikut:

1. Adat Melayu

- a) Kupasan yang membincangkan Islam dan adat, bahawa kedatangan Islam bukan mengganggu adat yang sedia ada, atau melemahkan kedudukan adat itu sendiri. Adat berjalan dengan syariat, sehingga terbilang dalam kata-kata adat: “*Adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah. Syarak mengata, adat memakai*”. Dari

perbincangan adat ini menjelaskan bahawa adat selari dengan agama, apa-apa yang dilaksanakan adat sesuai dengan ketentuan syarak.¹²

- b) Kupasan yang membincangkan sistem kekeluargaan, sistem pelapisan dan hukum pusaka secara umum dan tidak ada kaitan dengan Islam. Dalam harta pusaka dihuraikan jenis harta dalam Adat Perpatih, iaitu meliputi harta pembawa, harta dapatan dan harta sepercaraan. Ini dihuraikan dalam pengertian hukum adat sahaja dan tidak dihubungkan harta dari segi hukum Islam.¹³
- c) Kupasan yang membincangkan Undang-Undang Adat di Malaysia, termasuklah tentang Adat Perpatih dan Adat Temenggung di Malaysia. Dalam huraian tersebut di jelaskan tentang adat ini sendiri di Malaysia sampai kepada konsep Adat Perpatih, susunan masyarakat dan terakhir sistem perkahwinan dan pewarisan Adat Perpatih dan Adat Temenggung.¹⁴
- d) Kupasan yang dihasilkan oleh sarjana Barat yang memperkecilkan sumbangan Islam dalam sistem perundangan adat masyarakat Melayu iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung. Mereka juga mendakwa hukum syarak yang di laksanakan dalam Islam adalah lebih kejam dengan tujuan untuk menakut-nakutkan daripada untuk

¹² Hamka, *Islam dan Adat Minangkabau* (Jakarta: Pustaka Panji Mas, 1984).

¹³ Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih* (Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn Bhd, 1982).

¹⁴ Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1975).

memperbaiki.¹⁵ Pandangan sarjana Barat mendakwa undang-undang Islam yang termaktub di dalam kumpulan *Malay Digest* tidak dilaksanakan secara berkesan kerana ianya terpaksa berhadapan dengan sistem feudal pra-Islam. Atas dasar ini juga mereka mendakwa pemahaman dan pengamalan ajaran Islam di dalam masyarakat Melayu bukannya begitu mendalam, seperti lapisan kulit luar semata-mata tanpa isi yang jelas. Oleh sebab itu, demi untuk tujuan mentamadunkan masyarakat melayu pihak British telah memperkenalkan proses pemodenan sebenar yang merangkumi sistem pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang Islam yang lebih moden.¹⁶

- e) Kupasan yang membincangkan kepada masalah perkahwinan dan pewarisan yang dilaksanakan oleh masyarakat Negeri Sembilan pada amnya dan pengamal Adat Perpatih pada khususnya. Dalam huraian tersebut dijelaskan perbandingan antara Adat Perpatih dan hukum Islam dalam masalah perkahwinan dan pewarisan. Menurut pengkaji ini, larangan perkahwinan satu suku adalah larangan adat sahaja yang telah diterokai oleh pemuka-pemuka adat yang terdahulu dan ini termasuk *adat nan diadatkan*. Maksudnya, sesuatu yang dirancang, dijalankan serta diteruskan oleh pendahulu yang sudah turun temurun diamalkan. Sementara menurut pewarisan dalam yang difahami oleh masyarakat Negeri Sembilan adalah salah satu bahagian dari keseluruhan hukum adat yang khusus dalam mengatur soal peralihan harta benda

¹⁵ Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim, *Sastera Undang-Undang*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995).

¹⁶ F. Swettenham, *About Perak* (Singapore: t.p, 1983). Winstedt pernah mengatakan bahawa sistem undang-undang Melayu yang berasaskan undang-undang Islam adalah zalim dan ketinggalan zaman. Lihat Abu Hasaan Sham dan Mariyam Salim, *Sastera Undang-Undang* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995).

peninggalan yang meninggal dunia ke atas orang lain yang menjadi ahli warisnya semata.¹⁷

- f) Kupasan yang menghuraikan pembatasan dalam menilai sejauh mana amalan adat Melayu boleh diterima sebagai sumber hukum Islam yang bersifat semasa sesuai dengan realiti di Malaysia dengan menepati syarat-syarat yang terkandung dalam teori al-‘Urf wa al-‘Adah. Dalam penulisan ini, penumpuan hanya diberikan terhadap empat jenis adat Melayu termasuklah harta sepencarian, hukum pusaka adat (tanah adat), adat pengandaan barangan hantaran dan sistem pawah.¹⁸
- g) Kupasan yang menghuraikan asas penetapan hukum berlandaskan budaya Malaysia khususnya budaya Melayu dalam aspek hubungan sosial. Dalam kajian ini, pengkaji tersebut telah mengaplikasikan tiga metod utama iaitu metod komparatif, pensejarahan serta metod sosiologi hukum. Hasil kajian berpandukan ketiga-tiga metod ini mendapati kesan interaksi masyarakat Malaysia menghasilkan pola budaya yang unik dan berbeza daripada yang lain. Dengan berpandukan kepada elemen kepimpinan wanita, amalan harta sepencarian, dan rumah terbuka ia dapat dijadikan sebagai asas dalam pengambilkiraan hukum. Kajian ini membuktikan bahawa amalan masyarakat

¹⁷ Zulkainaini Umar, “Adat Perpatih dan Hukum Syarak di Negeri Sembilan: Analisis Perbandingan Berkaitan Institusi Kekeluargaan dan Pewarisan” (Tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007).

¹⁸ Noor Haslina Osman, “Adat Melayu Sebagai Sumber Hukum: Penilaian Dari Perspektif Teori Al-‘Urf Wa Al-‘Adah” (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004).

setempat boleh menjadi asas hukum yang diterima pakai bagi masalah yang tiada nass yang jelas selagi mana tidak bertentangan dengan syariah Islam.¹⁹

- h) Kupasan yang membincangkan pengaruh yang dibawa oleh Islam terhadap undang-undang adat Melayu.²⁰

- i) Kupasan yang menjelaskan undang-undang Islam yang di turunkan Allah adalah bagi mewujudkan masyarakat yang adil. Buku ini juga turut menjelaskan Adat Perpatih dan juga Adat Temenggung dan bagaimana sikap Islam terhadap kedua-dua adat ini. Persoalan yang menjadi perhatian ialah mengenai hubungan antara undang-undang pusaka dalam Islam dan kelaziman adat, sama ada sebelum Islam di Tanah Arab atau dalam masyarakat-masyarakat Islam hari ini khususnya tentang perbezaan antara syariah dan kebiasaan adat yang sebenarnya di Tanah Melayu. Satu perkara yang penting yang seharusnya timbul dalam fikiran ialah bagaimana ukurannya dari sudut ajaran Islam yang berlawanan dengan latar belakang kehidupan sosial masyarakat Arab di bandar dan di pedalaman. Ini adalah suatu yang *natural* dan bertalian rapat pula dengan mereka sendiri. Oleh sebab itulah, penurunan kitab suci al-Quran dari mula lagi diturunkan dalam bahasa Arab. Justeru, berdasarkan perkara-perkara inilah, seseorang

¹⁹ Mohd Anuar Ramli, “Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Dalam Hubungan Sosial Dalam Kebudayaan Malaysia” (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2003).

²⁰ Abdullah Alwi Hj. Hassan, Adat Melayu di Malaysia Mengikut Perspektif Perundangan Islam, *Jurnal Syariah*, Jil.5 (1997).

itu dapat menilai bahawa kejayaan Islam ke serata dunia adalah selalunya dipengaruhi oleh kebudayaan Arab dan bangsanya.²¹

j) Kupasan dalam membuktikan bahawa pentingnya undang-undang adat Melayu tergambar melalui penemuan pada sebahagian besar manuskrip-manuskrip jawi di London yang telah di kumpul oleh sarjana Inggeris untuk tempoh masa dahulu. Kewujudan sejumlah besar manuskrip undang-undang adat adalah manifestasi kesedaran raja-raja Melayu yang cuba mengamalkan keadilan dalam pemerintahan tanpa bergantung kepada amalan undang-undang rimba. Tambahan pula, konsep keadilan undang-undang Melayu semakin diperkukuhkan lagi dengan kemasukan nilai-nilai keadilan pemerintahan dalam agama Islam.²²

k) Kupasan yang membincangkan kedudukan dan kepentingan pengajian hukum adat Melayu dalam bidang Pengajian Melayu. Pengajian hukum adat Melayu akan menjadi lengkap sekiranya meliputi segala aspek kehidupan masyarakat Melayu. Adat adalah satu cara hidup dan tanpa hukum adat, tidak mungkin wujud satu masyarakat yang berkeperibadian tinggi. Namu demikian, hukum adat tidak dapat berfungsi sepenuhnya tanpa adanya agama dan perasaan takut kepada Tuhan dan kesedaran tentang dosa dan

²¹ Othman Ishak, *Hubungan Antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat*, cet. ke-2. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).

²² Jelani Harun, *Kajian Naskhah Undang-undang Adat Melayu di London* (Pulau Pinang: Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia, 2008).

pahala. Jelasnya hukum adat mestilah dikomplimen oleh agama. Tanpa agama sistem hukum adat tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik dan seadil yang mungkin.²³

- l) Kupasan yang membincangkan hubungkait antara adat dan ibadat diterima baik oleh masyarakat Melayu dan ini merupakan satu perkara yang dipertahankan sejak zaman-berzaman lagi kerana dianggap sebagai simbol tradisi dan identiti bagi masyarakat Melayu itu sendiri. Dari aspek ini, ia menepati sebuah hadis yang berbunyi “*Sesuatu yang dilihat oleh orang-orang Islam sebagai baik, maka ianya di sisi Allah adalah baik juga*”. Hal ini membawa maksud adat dan Islam itu saling kaitan dalam menepati prinsip syariat.²⁴

- m) Kupasan di dalam menjelaskan kesalingan di antara Islam dengan adat peribumi perlu diberi justifikasi secara bijaksana dalam menerimanya. Hal ini penting sekiranya apabila berlaku perubahan antara adat dan Islam kedua-duanya dapat menerima secara rela. Seperti kata pepatah “*tak lekang dek panas, tak lapuk diujan*” bermakna suatu perubahan yang berlaku antara adat dan Islam bergantung pada kesanggupan kita dalam menyesuaikan diri dengan perubahan kerana penyesuaian antara adat dan Islam itu sendiri telah berlaku sejak dari dahulu lagi.²⁵

²³ Norazit Selat, “Pengajian Hukum Adat Melayu” (makalah, Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing), Beijing China, 20-24 Mei 1996.

²⁴ Anisah Ab. Ghani dan Saadan Man, “Hubungan Antara Nilai-Nilai Adat dan Ibadat Dalam Masyarakat Melayu” (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan, Kuala Lumpur, 7-8 November 2000).

²⁵ Siddiq Fadzil, “Pertembungan Islam dengan Budaya Peribumi: Pengalaman Alam Melayu” (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan, Kuala Lumpur, 7-8 November 2000).

- n) Kupasan dalam meneliti impak Islamisasi terhadap realiti semasa masyarakat Melayu yang bakal dirujuk khusus kepada teori adat Melayu berikutan adat Melayu sering disalahertikan oleh kebanyakan sarjana, termasuklah sarjana Islam itu sendiri. Justeru itu, hasil penelitian telah mendapati memang kedapatan impak positif hasil daripada interaksi antara adat Melayu dengan agama Islam.²⁶
- o) Kupasan yang memaparkan adat Melayu sebagai warisan adat yang sangat tinggi nilainya dalam warisan peradaban dunia di samping di jelaskan juga pengertian adat dalam konteks masyarakat Melayu Islam. Turut dimuatkan lagi dalam buku ini ialah cabaran kepimpinan adat Melayu tulisan tokoh akademik dan adat berdasarkan pengalaman mereka di provinsi dan negeri masing-masing iaitu Profesor Madya Dr. Hanipah Hussin (Ketua Jabatan Ko-Kurikulum, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia), Bapak Tenas Effendy (Ketua Lembaga Keekerabatan Adat Melayu Riau), Dr. Mohd. Rosli Saludin (Jabatan Sastera, Universiti Pendidikan Sultan Idris), Sultan Tengku Luckman Sinar Basarsyah-II, H. Hambali Hassan, SH dan Lembaga Adat Jambi. Dalam buku ini turut dimuatkan pengalaman dan amalan adat bersendi syarak dan kitabullah di beberapa provinsi Indonesia yang ditulis oleh pemimpin adat dari Bahagian Adat Melayu Serumpun KALBAR, H. Badruzzaman, SH. M. HUM (Ketua Majlis Adat Aceh), Masri Habib Datuk Pandak dari Lembaga Adat Bukit Tinggi, Indonesia dan pengamalan adat di Kabupaten Rokan Hilir oleh H. Sudarno Mahyudin. Sebagai pelengkap, buku ini memaparkan tatacara adat pernikahan di Kabupaten Bungo, Jambi tulisan Lembaga Adat Kabupaten Bungo. Untuk pengetahuan, buku ini

²⁶ Hashim Awang, Othman Yatim dan Nor Azita Che Din, *Wacana Budaya*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 2006).

terhasil daripada Pertemuan Pemimpin Adat Melayu Serumpun pada 2002 dan Seminar Pemimpin Adat Melayu Serumpun yang dianjurkan oleh ISMMA dan Biro Sosiobudaya Dunia Melayu Dunia Islam pada 29 hingga 30 September 2003. Ia sebagai panduan bangsa Melayu serumpun (yang merangkumi Dunia Melayu dan Dunia Islam) mengenali, memahami, memelihara dan memperkembangkan warisan adat Melayu serumpun di kalangan generasi muda, amnya warga Melayu serumpun. Memandangkan pemimpin adat adalah tonggak yang seharusnya memainkan peranan penting dalam menghidupkan institusi dan amalan adat ini, maka buku ini memberikan perhatian kepada peranan pemimpin dan pengalaman melaksanakan adat Melayu di beberapa provinsi dan negeri dijadikan contoh.²⁷

2. MB Hooker

- a) Kupasan yang menjelaskan secara ringkas koleksi-koleksi Hooker yang merangkumi bahan-bahan monograf, peta, slaid, pita audio, gambar foto, mikrofilem, negatif filem, jurnal dan nota penyelidikannya. Di samping itu koleksi Hooker juga ada menyimpan 13 manuskrip Arab dan 9 manuskrip Jawi.²⁸

²⁷ Abdul Latiff Abu Bakar, *Adat Melayu Serumpun* (Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, 2001).

²⁸ Maimunah Kadir, "Koleksi Prof. MB Hooker: Dokumentasi dan Organisasi Bahan" (makalah, Seminar Antarabangsa Koleksi Pengajian Asia Tenggara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 19-21 Jun 1995).

3. Karya- karya Awal Sebelum MB Hooker

Hasil daripada kajian literature yang telah dilakukan, pengkaji dapati terdapat sarjana Barat lain sebelum Hooker yang menunjukkan minat dalam bidang yang sama iaitu adat Melayu. Antaranya:-

a) Thomas Stamford Raffles²⁹

Dalam konteks ini, sejarah ringkas pembabitan Thomas Stamford Raffles bermula pada tahun 1816 dalam karyanya berjudul “On the Malayu Nation, with a Translation of its Maritime Institutions” dalam *Asiatick Researches*³⁰ telah membawa erti yang besar dalam sejarah penelitian undang-undang kesultanan Melayu. Melalui tulisan ini, buat pertama kalinya sebuah naskhah undang-undang Melayu telah mengisi ruangan dalam sebuah jurnal yang berpengaruh di kalangan pembaca Eropah ketika itu.

²⁹ Sir Stamford Raffles dilahirkan pada 6 Julai 1781, di luar Port Morant, Jamaica England. Beliau merupakan pengasas pulau Singapura dan adalah anak kepada Kapten Benjamin Raffles (1739-1797). Sepanjang hidupnya, Raffles telah berkahwin sebanyak dua kali. Hasil perkahwinannya dengan isteri pertama iaitu Olivia Mariamne Nee Devenis tidak dikurniakan anak sehinggalah beliau melangsungkan perkahwinan untuk kali kedua dengan Sophia Hull dan telah dikurniakan sebanyak enam orang anak. Antaranya Charlotte, Leopold Stamford, Stamford Marsden, Ella Sophia, Biskop Winchester, dan akhir sekali Flora Nightingall. Sir Stamford Raffles meninggal dunia pada 5 Julai 1826, sehari sebelum ulang tahun ke-45. Manakala, Lady Sophia meninggal dunia pada 12 Disember 1858, ketika berusia 72 tahun di England. Menurut sejarah bapanya merupakan Kapten Benjamin Raffles dan merupakan master kapal Ann sejak Raffles dilahirkan. Malangnya, akibat bebanan hutang yang dipikul bapanya kapal tersebut terpaksa dijual pada tahun 1782. Kesan yang sama terpaksa dipikul Raffles sekeluarga setelah kematian bapanya dalam pembiayaan pendidikannya. “Vernon Cornelius”, dikemaskini 2004 dicapai 20 September 2013, http://infopedia.nl.sg/articles/SIP_931_2004-12-23.html.

³⁰ Raffles, Thomas Stamford., On the Malayu Nation, with a Translation of its Maritime Institutions. *Asiatick Researches* 12. (1816).

Menurut sejarah lagi, Raffles turut melakukan pengumpulan ke atas manuskrip-manuskrip Melayu merangkumi *Undang-Undang Kedah*, *Undang-Undang Melaka*, *Undang-Undang Johor* dan *Undang-Undang Laut Melaka* dengan harapan dapat membentuknya sebagai sebuah *Digest of the Malay Laws*. Yang lebih menarik perhatian, pada ketika itu ialah Raffles sudah memikirkan perlunya suatu kajian yang menyeluruh terhadap naskhah undang-undang Melayu dan hubungannya dengan teks serta budaya tradisi kehidupan yang lain bagi menghasilkan undang-undang adat Melayu secara keseluruhannya.

Penerbitan seterusnya adalah sekitar Julai 1879, iaitu “The Maritime Code of the Malays” dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (JSBRAS)*,³¹ yang mempunyai pengaruh besar di kalangan pentadbir dan sarjana Inggeris di Tanah Melayu pada masa itu.

³¹ Raffles, Thomas Stamford., The Maritime Code of the Malays. *JMBRAS* 3, (1879).

b) William Marsden³²

Manakala, sebelum tulisan Raffles, pengetahuan masyarakat Barat tentang undang-undang adat di Alam Melayu telah diterbitkan oleh William Marsden pada tahun 1784 dalam karyanya yang berjudul *The History of Sumatra*.³³ Dalam buku tersebut terdapat bab khusus tentang undang-undang masyarakat Rejang dan Pasumah di Bangkahulu dengan judul “*Laws and Customs – Mode of deciding Causes – Code of Laws*” yang ditulis pada tahun 1779 dan 1807. Secara umumnya, buku tersebut merangkumi laporan tentang pemerintah, hukum adat, dan cara kehidupan penduduk asli, penjelasan hasil alam, dan hubungan negara politik kuno pulau itu.

³² William Marsden; dilahirkan di Dublin pada 16 November 1754, mendapat pendidikan di Trinity College pada tahun 1771. Kemudian ke Bencoolen Sumatera sebagai setiausaha kepada wakil British ketika berusia enam belas tahun. Pada tahun 1779 beliau telah kembali ke England bagi menfokuskan dirinya dalam bidang sastera. Setahun kemudian, sekitar tahun 1780 beliau telah dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Oxford dalam bidang Undang-undang Sivil. Kemudian kerjaya beliau diteruskan lagi iaitu pada tahun 1782 dengan penerbitan pertama beliau tentang sejarah Sumatera, diikuti pulak dengan penerbitan kedua pada tahun 1812 dalam bidang Tatabahasa dan Kamus Bahasa Melayu yang mengambil masa selama 33 tahun untuk pengumpulan bahan-bahan tersebut. Penerbitan seterusnya sekitar 1817 iaitu terjemahan Travel of Marco Polo. Sekitar tahun 1831, beliau telah meletakkan jawatannya dan telah meninggal dunia pada tanggal 6 Oktober 1836 ketika berumur 81 tahun dan dikebumikan di Kensal. Sebelum pada itu, pada tahun 1834, beliau telah mewariskan koleksi syiling timur kepada Muzium British, buku-buku serta manuskrip kepada Kolej King di London. Karya-karya lain beliau seperti Katalog Kamus, Tatabahasa, tatabahasa dan Alphabets (1796), Numismata orientalis (London, 1823-1825), dan beberapa kertas kerja mengenai topik-topik ketimuran dalam falsafah urusniaga turut diwariskan. Lihat t.p, dikemaskini pada 15Mei 2013, dicapai pada 7Jun 2013, <http://www.libraryireland.com/biography/WilliamMarsden.php>.

³³ Marsden, William, *The History of Sumatra* (Oxford: Oxford University Press, 1986).

c) James Richard Logan³⁴

Sementara itu juga, perhatian pegawai Inggeris tentang undang-undang Melayu diteruskan lagi melalui penerbitan “*Translation of the Malayan Laws of the Principality of Johor*” oleh James Richard Logan³⁵ pada tahun 1855 dalam *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*.³⁶ Ringkasan sebahagian daripada terjemahan Logan telah diterbitkan semula oleh William Maxwell dalam *JSBRAS* terbitan tahun 1890.

³⁴ Antara sarjana Barat dalam bidang adat Melayu. James Richardson Logan;

³⁵ James Richardson Logan dilahirkan pada 10 April 1819 di Berwickshire, Scotland. Keintelektualan serta kekuatan fizikal yang dimilikinya adalah kerana perwatakkannya yang suka membaca dan cemerlang dalam bidang ilmu bahasa termasuklah semua jenis bahasa dari negara Eropah sehingga ke Asia. Pada masa yang sama, Logan juga merupakan pengasas dan editor Jurnal Kepulauan India dan Asia Timur. Beliau telah mendapat pendidikan di Akademi Dunse di bawah tenaga pengajar sepupunya iaitu seorang peguam. Sebelum menerbitkan Journal, Logan merupakan editor Warta Pinang. Pada bulan Ogos 1844, Perpustakaan Singapura telah ditubuhkan dan Logans adalah antara pemegang saham yang pertama. Beliau telah memainkan peranan penting dalam mengumpul langganan dan derma untuk perpustakaan tersebut. Antara sumbangan penting lain yang dilaksanakan oleh Logan adalah dalam membantu memperoleh Koleksi Sir James Brooke, memainkan peranan penting dalam pembentukan Muzium. Pada tahun 1853, Logan telah kembali ke Pulau Pinang dan meninggal dunia pada 20 Okt 1869 di sana akibat malaria. Selepas kematian beliau, orang Negeri Selat telah mendirikan tugu di hadapan Mahkamah Agung Pulau Pinang sebagai tanda memperingati jasa beliau. “Joshua Chia Yeong Jia dan Bonny Tan,” dikemaskini 2009, dicapai pada 20 September 2013, http://infopedia.nl.sg/articles/SIP_1146_2009-10-27.html.

³⁶ Bermaksud Jurnal Kepulauan Hindia dan Asia Timur.

d) William Maxwell³⁷

Lebih awal daripada itu, Maxwell telah pun menerbitkan “*The Law and Customs of the Malays with Reference to the Tenure of Land*” dalam *JSBRAS* terbitan tahun 1884.³⁸ Tulisan ini adalah antara yang terawal membicarakan undang-undang tanah Melayu secara khusus. Corak penulisan yang sama juga dikemukakan Maxwell dalam rencananya “*The Law Relating to Slave among the Malays*” di *JSBRAS* (1890).³⁹

Penerbitan makalah berkaitan undang-undang Melayu daripada pegawai dan sarjana Eropah berterusan pada awal abad ke-20. Antara manuskrip utama yang telah diterbitkan adalah *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* oleh Rigby (1908), *Undang-Undang Kedah* oleh Winstedt (1928), *Hukum Kanun Pahang* oleh Kempe dan

³⁷ Sir William Edward Maxwell (1846-1897) merupakan seorang gabenor dilahirkan pada 5 Ogos 1846, anak muda kepada Sir Peter Benson Maxwell (1817-1893), seorang pegawai kolonial, serta Ketua Hakim Negara Negeri-Negeri Selat. William Edward Maxwell mendapat pendidikan awal di Repton School (1860-1864) dan berkhidmat di mahkamah tinggi Pulau Pinang dan Singapura sekitar tahun 1865-1869. Kerjaya beliau bermula dengan menjawat jawatan peguam bela pada tahun 1867, dan pada September 1869 beliau telah dilantik sebagai majistret polis dan pesuruhjaya mahkamah rayuan Pulau Pinang. Pada tahun 1870 beliau berkahwin dengan Lillias Grant Aberigh - Mackay (1846-1925) iaitu anak perempuan James Aberigh - Mackay, seorang paderi yang berperkhidmat di India. Pada bulan Februari tahun itu dia telah ditempatkan di pejabat yang sama di Melaka, manakala Ogos 1871 berpindah ke Singapura, serta pada tahun 1872 di Seberang Perai. Pada Mei 1874 beliau telah dicalonkan sebagai hakim sementara mahkamah tertinggi di Pulau Pinang, dan pada bulan September beliau telah dilantik sebagai pembantu ejen kerajaan di Seberang Perai. Apabila kembali ke Selat, Maxwell telah di lantik sebagai Pesuruhjaya hak milik tanah, dan pada tahun 1883 telah diwartakan sebagai ahli majlis eksekutif dan perundangan. Dari 1884-1889 beliau telah berkhidmad sebagai kaunselor di Pulau Pinang lantas bermastautin di sana. Namun begitu pada tahun 1889 Maxwell turut menjadi Residen British di Selangor. Manakala pada tahun 1892 beliau telah dicalonkan sebagai setiausaha Negeri-Negeri Selat. Menjelang bulan September 1893 hingga Januari 1895 beliau telah di naikkan pangkat kepada gabenor. Pada Mac 1895 Maxwell telah dicalonkan pula sebagai gabenor Gold Coast. Pada bulan Oktober beliau telah diserang penyakit demam berlarutan sehingga bulan Disember dan meninggal dunia pada 14 Disember 1897. “E. I. Carlyle”, dikemaskini 2004, dicapai 21 September 2013, <http://www.oxforddnb.com/view/printable/18415>.

³⁸ Maxwell, W.E., *The Law and Customs of the Malays with Reference to the Tenure of Land*. *JMBRAS* 13. (1884).

³⁹ _____, *The Law Relating to Slave among the Malays*. *JMBRAS* 22. (1890).

Winstedt (1948), *Undang-Undang Minangkabau Dari Perak* oleh Winstedt (1953), *Undang-Undang Sungai Ujong* oleh Winstedt dan Josselin de Jong (1954), *Undang-Undang Laut Melaka* oleh Winstedt dan Josselin de Jong (1956).

Sementara itu, pada tahun 1952, Kempe dan Winstedt juga menerbitkan sebuah manuskrip yang mengandungi sebahagian daripada *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-Undang Hamba Lari Negeri Selangor*. Beberapa esei tentang undang-undang Melayu turut dihasilkan pegawai dan sarjana lain seperti “*Malay Law in Negeri Sembilan*” oleh Martin Lister (1890), “*Notes on the Hukum Menyelam dan Hukum Bercelur*” oleh Pepys (1916), “*An Early Malay Inscription from Terengganu*” oleh Paterson (1924) dan “*The Pahang Kanun of Sultan Abdul Ghapur: Another Text*” oleh Jakema (1951).

Secara umumnya, dapatlah disimpulkan bahawa kesemua tulisan itu adalah bukti awal tentang kewujudan pelbagai bentuk undang-undang dalam masyarakat Melayu masa lalu yang telah diberi penilaian oleh pegawai dan sarjana Barat. Selain memberi pandangan, mereka mengumpul manuskrip yang berkaitan dengan undang-undang, menyimpan sebagai koleksi peribadi atau menyerahkannya kepada beberapa buah perpustakaan di London.⁴⁰

Kajian-kajian ini setakat yang pernah disentuh oleh kalangan sarjana, banyak menyingkap tentang konsep asas Adat Perpatih, sejarah, perkembangan adat di Negeri Sembilan dan sedikit tentang Hooker. Pengkaji mendapati bahawa masih terdapat beberapa ruang kosong yang masih belum disentuh oleh pengkaji-pengkaji lain setakat ianya menyentuh persoalan adat di Negeri Sembilan, yang akan cuba diisi melalui kajian ini. Antara aspek yang dimaksudkan adalah:

⁴⁰ Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil kajian profesor Dr. Jelani Harun sewaktu cuti sabbatikalnya di School of Oriental and African Studies (SOAS), London, pada tahun 2005 yang lalu. Lihat Jelani Harun, *Kajian Naskah*, 128-130.

1. Penulisan tentang penglibatan MB Hooker dalam bidang adat Melayu yang masih bergiat aktif sehingga kini. Pengkajian beliau dalam bidang adat Melayu ini telah membawa pemikiran yang berbeza.
2. Penulisan beliau di dalam buku "*Islamic Law in South-East Asia*" merupakan karyanya yang belum dianalisis terutamanya di dalam topik Undang-undang Islam dan Adat Melayu dimana terdapat banyak pandangan yang tidak jelas.
3. Penulisan dan pengumpulan tentang karya-karya beliau dalam pelbagai jenis merangkumi lebih daripada 2040 jenis dalam bidang pengkajian Islam yang ditempatkan di Perpustakaan Undang-Undang UKM dalam Koleksi Khas Hooker.
4. Penulisan dalam membuat perbandingan antara hukum adat dengan Islam, serta pandangan Hooker terhadap pelaksanaan adat, adakah pandangannya membawa percanggahan dengan syariah Islam. Penilaian terhadap bentuk pemikiran dan hasil kajian beliau adalah penting untuk mengenalpasti kebenaran atau kesilapan maklumat yang mungkin timbul.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi merupakan kaedah atau cara yang di perlukan dalam menyiapkan kajian ilmiah. Hasil kajian dikira berkualiti jika kaedah yang digunakan dalam penyelidikan bersesuaian dengan matlamat kajian. Penyelidikan biasanya dikategorikan sebagai penyelidikan kuantitatif dan penyelidikan kualitatif. Manakala ada penyelidikan yang menggabungkan kedua-dua jenis penyelidikan kuantitatif dan kualitatif dalam satu kajian. Dua jenis kajian ini berbeza dari segi kaedah dan teknik kajian yang diaplikasikan.⁴¹

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan sumber teks bertulis, sama ada yang berkaitan dengan sejarah, teori, mahupun teks. Pengkaji turut menggabungkan beberapa dimensi disiplin ilmu pengajian Islam, adat Melayu dan pemikiran barat di Tanah Melayu. Oleh itu, dalam kajian perpustakaan (*library research*) ini, pengkaji menggunakan beberapa metode, iaitu:

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Pengumpulan data adalah perkara pokok dan merupakan tunjang dalam penghasilan sesebuah disertasi yang berkualiti. Melalui metode ini, pengkaji dapat melakukan penelitian dengan cara mengumpulkan data yang berkaitan kajian. Metode ini juga memudahkan pengkaji untuk memperolehi maklumat dengan tepat dari pelbagai sumber. Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan beberapa metode bagi mendapatkan sumber-sumber serta *input* kajian. Antaranya:

⁴¹ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Malaysia: Mc Graw Hill, 2006), 6.

i) Metode Perpustakaan

Metode ini merupakan metode asas dalam penghasilan kajian. Dengan menggunakan metode ini, memudahkan pengkaji untuk mendapatkan fakta, sumber dan isi kajian yang relevan, bermutu serta tidak menyimpang daripada hasil kajian yang sebenar. Setiap data ini juga diperolehi melalui kajian pencarian buku, artikel, jurnal, kertas persidangan, laporan, dokumen, tesis, disertasi, dan majalah. Ia dilakukan di:

- i. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya
- ii. Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya
- iii. Perpustakaan Undang-Undang, Universiti Malaya
- iv. Perpustakaan Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia
- v. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
- vi. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Metode ini melibatkan kajian berorientasikan dokumentasi. Ia bererti satu cara pengambilan data dengan cara meneliti dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji. Metode ini digunakan dengan merujuk kepada buku-buku, artikel-artikel dan bahan bertulis. Pengkaji telah merujuk data-data dari sumber primer tanpa mengenyakan data berbentuk sekunder. Ia dapat dikelaskan dalam pembahagian berikut:

a) Sumber-sumber primer:

Sumber primer merangkumi teks kajian, rujukan tafsir, syarah hadis dan pandangan ulama klasik

b) Sumber sekunder

- i. Penulisan sarjana Islam kontemporari
- ii. Karya orientalis barat sama ada tentang sejarah Islam mahupun masyarakat Melayu seperti Winstedt dan Hooker.
- iii. Penulisan ilmiah seperti buku, tesis, disertasi dan artikel jurnal.

1.8.2 Metode Analisis Data

Metode ini bertujuan untuk memudahkan pengkaji menganalisis data dan melakukan penilaian terhadap data tersebut. Setelah memperolehi data-data yang mencukupi dengan mengaplikasikan metode pengumpulan data, pengkaji telah menganalisis secara terarah maklumat tersebut dengan metode-metode berikut:

i. Metode Induktif

Metode ini digunakan untuk membuat rumusan dan pembuktian dari perkara-perkara yang bersifat khusus untuk mendapatkan rumusan yang lebih bersifat

umum. Pengkaji menggunakan metod ini dalam keseluruhan bab yang terdapat dalam kajian ini kerana setiap pernyataan dan data yang dikemukakan memerlukan rumusan.

ii. Metode Deduktif

Metode deduktif ialah kesimpulan yang diambil dari data-data yang ada kemudian dijadikan suatu kesimpulan yang khusus. Ia merujuk kepada satu kaedah untuk membuat satu kenyataan umum tentang sesuatu unsur dan disusuli dengan kenyataan khusus tentang unsur tersebut. Ia juga bermaksud satu proses mencari bukti daripada maklumat yang bersifat umum bagi bukti yang bersifat khusus. Metode ini digunakan pada bab keempat iaitu analisis terhadap ketidakjelasan dan kesalahfahaman pandangan Hooker terhadap adat Melayu itu.

iii. Metode Komparatif (perbandingan)

Metod perbandingan digunakan bagi mengenalpasti persamaan dan perbezaan antara dua entiti (atau lebih) yang diperbandingkan untuk tujuan-tujuan tertentu. Asas penting dalam metod perbandingan ini hendaklah terdiri daripada kategori sama, pada arah yang sama, berasaskan pada ciri dan aspek yang sama.⁴²

Dalam kajian, pengkaji mengaplikasikan metod ini pada bab kedua dan juga pada bab keempat. Bagi bab kedua, perbandingan dibuat dalam menganalisis konsep adat itu

⁴² Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn.Bhd, 2009), 30

sendiri menurut perspektif Melayu, syariah Islam dan juga sarjana Barat. Sementara, bab keempat pula pengaplikasian metod ini dibuat dalam mengemukakan isu-isu yang dikupas Hooker terdiri daripada isu sistem pewarisan, sistem falsafah perbilangan dan juga sistem perlembagaan adat. Kesemua isu ini dianalisis bagi melihat adanya keserasian dalam syariah Islam.

iv. Metode historis (pensejarahan)

Metode historis bertujuan menjelaskan kembali sesuatu peristiwa sejarah dari sudut tertentu⁴³ dengan menumpukan pada proses gejala, peristiwa atau konsep yang lahir pada masa lalu.⁴⁴ Pendekatan ini diaplikasikan dengan merujuk pada catitan hasil sarjana Muslim dan bukan Muslim dalam bidang berkaitan.⁴⁵ Metod ini juga penting untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kajian.

Oleh itu, pengkaji telah mengaplikasikannya pada bab kedua, bab ketiga dan bab keempat. Bagi bab kedua digunakan metod ini bagi membincangkan sejarah Adat Perpatih, latar belakang Hooker pula digunakan dalam bab ketiga dan seterusnya bab keempat iaitu sejarah setiap isu yang dikemukakan merangkumi sistem pewarisan pusaka, sistem falsafah perbilangan dan sistem perlembagaan adat.

⁴³ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, 27.

⁴⁴ Sidi Gazalba, *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1981), 77.

⁴⁵ Kartini Kartono, *Pengantar Metodologi Research Sosial* (Bandung: Penerbit Alumni, 1976), 271.

v. Metode Analisis Tokoh

Metode ini bertujuan untuk memahami dan mendeskripsikan tentang keunikan tokoh dalam konteks adat Melayu. Tokoh tersebut adalah MB Hooker. Merujuk kepada metode yang digunakan, penelitian dibuat berdasarkan kepada empat tujuan utama⁴⁶ yaitu: (1) karakteristik tokoh, berkenaan aspek psikologis, latar belakang keluarga, lingkungan sosial; (2) pengembaraan intelektual, berkenaan dengan masa belajar dan perhatiannya terhadap adat Melayu, dan juga penghasilan karya-karyanya; (3) afiliasi komunitas, berkenaan dengan "keanggotaan" dalam komuniti dan sistem sosial; (4) wacana intelektual, berkenaan dengan pemikirannya di bidang adat.

Oleh yang demikian, berdasarkan tujuan-tujuan tersebut akan dapat diketahui tentang kedudukan dan posisi tokoh barat ini dan secara langsung dapat mengetahui bentuk pemikirannya yang sebenar dalam adat Melayu. Dalam kajian, metod analisis tokoh ini digunakan pada bab keempat iaitu sebahagian daripada bab analisis pengkaji terhadap bentuk-bentuk pemikiran Hooker. Walau bagaimanapun, metode ini turut digunakan bagi membincangkan latar belakang atau biografi Hooker yang meliputi penghasilan karya-karyanya.

⁴⁶ Cik Hasan Bisri, *Model Penelitian Fiqh Paradigma Penelitian Fiqh & Fiqh Penelitian*, (Bogor: Kencana, 2003), 158. 161.

vi. Metode Analisis Kandungan

Metode analisis kandungan⁴⁷ diaplikasikan dalam penelitian sesuatu teks. Dalam kajian ini, pengkaji merujuk kepada buku “Islamic Law in South-East Asia” hasil karya MB Hooker pada tahun 1972. Pengkaji hanya meneliti pada bab “Islamic Law and Customary Law” pada halaman 161-163 buku tersebut. Manakala terjemahannya pula pada halaman 186-188. Pemilihan kepada teks tersebut adalah selari dengan pemikiran Hooker yang mendakwa Adat Perpatih ini secara terang-terang bertentangan dengan Islam dalam teks ini.

Sebanyak tiga isu utama yang pengkaji dapati dalam kandungan teks tersebut, antaranya sistem pewarisan pusaka, sistem falsafah perbilangan dan juga sistem perlembagaan adat. Kesemua isu ini dikaji dari sudut syarak Islam bagi melihat kedapatan atau tidak hubungkait antara adat menurut sarjana Melayu, syarak Islam dan juga sarjana Barat. Selain itu, pengkaji turut menganalisis bentuk sebenar pemikiran Hooker hasil daripada kesemua isu yang telah dikupas.

⁴⁷ Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, cet. ke-4. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 105-108.

1.9 SISTEMATIKA PENULISAN

Dalam menyusun-ataurkan kajian ini, pengkaji membahagikan kepada empat bahagian utama:

- Bahagian Pendahuluan

Kerangka kajian (Research Framework). Bahagian ini merupakan pendahuluan pengkaji selaras dengan bab pertama kajian. Bab ini membincangkan asas-asas kepada kajian merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kajian lepas dan metodologi kajian.

- Bahagian Deskriptif

Teori-Pensejarahan (Historical-Theoretical). Dalam bahagian ini, pengkaji menyusun-aturkannya dalam bab kedua dan bab ketiga yang merupakan landasan teori kajian. Bagi bab kedua, pengkaji menjelaskan konsep adat menurut tiga perspektif yang berbeza iaitu adat menurut perspektif Melayu, syariah Islam dan juga menurut sarjana Barat. Ketiga-tiga konsep ini penting bagi melihat bagaimana persepsi adat menurut ketiga-tiga pandangan. Adat menurut perspektif Melayu tumpuan dilakukan dengan melihat kepada pengertian adat itu sendiri, kategori adat serta asas pembentukan adat. Manakala bagi adat menurut perspektif syariah Islam, tumpuan utama dibuat kepada bagaimana pengenalan adat itu sendiri dalam konteks syariah, melihat juga syarat-syarat penerimaan adat dan juga syarat-syarat pengambilkiraan ‘urf dan adat.

Sementara konsep adat menurut perspektif sarjana Barat pula, pengkaji menfokuskan kepada pengenalan adat itu sendiri bagi sarjana Barat kerana barat lebih melihat adat itu sebagai undang-undang dan juga hukum adat tanpa ada pengertian yang khusus. Dalam bab ini juga, menjelaskan kontradiksi antara ketiga-tiga konsep ini dan telah membawa kepada kemunculan ‘Islamisasi adat Melayu’ yang melibatkan adat menurut sarjana Melayu dan juga syariah Islam.

Manakala, bab ketiga pula pengkaji mengemukakan latar belakang Hooker serta karya-karyanya dengan menelusuri sejarah kehidupan beliau dan juga karya-karyanya. Berikutan itu juga, fokus utama bab ini adalah menganalisis karya utamanya iaitu ‘Islamic Law in South-East Asia’ dengan melihat kepada bab ‘Islamic Law and Customary Law’.

- Bahagian Eksploratif

Bahagian ini adalah kemuncak kepada analisis pengkaji yang merupakan intipati perbincangan. Lanjutan daripada karya utama Hooker iaitu ‘Islamic Law in South-East Asia’ pengkaji akan kemukakan sebanyak tiga isu utama sebagai bahan utama analisis. Antaranya ialah sistem pewarisan pusaka, sistem falsafah perbilangan adat dan juga sistem perlembagaan adat. Kesemua isu ini penting sebagai bukti untuk menyangkal dakwaan Hooker dalam kenyataannya yang mengatakan Adat Perpatih ini bertentangan dengan Islam.

- Bahagian Kesimpulan, Penutup dan Cadangan

Di dalam bahagian terakhir iaitu bab kelima, pengkaji membuat satu rumusan secara keseluruhan merangkumi kesemua topik perbincangan. Pengkaji dapat menilai keselarian objektif dengan hasil kajian yang diperolehi. Begitu pun demikian, beberapa cadangan turut dikemukakan untuk tatapan pihak-pihak tertentu bagi meneruskan kajian lanjutan atau untuk inisiatif bagi memperbaiki institusi adat tersebut.